MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

The Observer
Buletin Rasmi MSWG

JUMAAT | 5 DISEMBER 2025

JADI TERJUNAN BERISIKO

Selepas menerima jutaan ringgit hasil pelupusan aset, Jadi Imaging membelanjakan dana tersebut dalam perdagangan saham spekulatif. Tindakan itu mengakibatkan syarikat mengalami kerugian 40% dan menimbulkan kebimbangan serius terhadap tadbir urus, peruntukan modal dan hala tuju strategik jangka panjang.

DARIPADA PERCETAKAN KEPADA SPEKULASI PASARAN SAHAM

Sebagai pemegang saham, kita melabur dengan harapan pihak pengurusan akan bertindak secara bertanggungjawab dan strategik demi kepentingan kita, iaitu pemegang saham syarikat mereka. Namun ada masanya, syarikat membuat keputusan yang begitu drastik sehingga menimbulkan tanda tanya berhubung keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan hala tuju syarikat dalam jangka panjang.

Inilah situasi yang berlaku dalam Jadi Imaging Holdings Berhad. Peralihan yang sepatutnya mengorak langkah ke arah model perniagaan yang lebih mampan kini berubah menjadi tindakan yang membimbangkan. Keputusan syarikat untuk terjun ke dalam aktiviti spekulasi pasaran saham ternyata menghakis nilai pemegang saham secara besar-besaran.

Latar Belakang Jadi Imaging

Jadi Imaging ditubuhkan pada tahun 1993, membina reputasinya sebagai pakar dalam pembangunan dan pembuatan toner.

Sejak berdekad lamanya, inilah perniagaan teras Jadi. Bagaimanapun, bermula pada tahun kewangan 2017, segmen pembuatan mencatatkan kerugian yang berterusan akibat persaingan global yang sengit.

Menyedari struktur industri yang semakin menurun, Jadi cuba mencari sumber pendapatan baharu. Pada tahun kewangan 2021, syarikat meluaskan perniagaannya kepada pengedaran produk yang merangkumi produk kesihatan, penjagaan diri dan elektronik pengguna. Namun usaha ini juga gagal mencapai keuntungan kerana sejak awal lagi segmen itu sudah mencatatkan kerugian.

Percubaan Menceburi Bidang Elektronik Pengguna

Pada bulan Ogos 2024, dengan alasan kelembapan perniagaan terasnya, Jadi mencadangkan pelan pempelbagaian secara rasmi ke dalam bidang pengedaran dan perdagangan produk pengguna, khususnya produk elektronik pengguna.

Cadangan ini telah dibentangkan kepada pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 30 September 2024 dan mendapat kelulusan. Dari segi rasional, hala tuju ini nampak munasabah. Syarikat keluar daripada struktur perniagaan pembuatan yang semakin mencabar dan membangunkan model pengedaran yang lebih mudah berkembang dan tidak memerlukan banyak aset.

Peluang ini sepatutnya digunakan untuk memperbaharui strategi syarikat. Hasil pelupusan aset boleh digunakan bagi memperkukuh perniagaan pengedaran, meningkatkan kecekapan inventori atau memperluas pemasaran digital. Namun,

tindakan yang diambil amat mengejutkan dan jauh tersasar daripada pengurusan modal yang berhemah.

Daripada Penyusunan Semula kepada Spekulasi

Pada 1 Mac 2025, Jadi menyelesaikan pelupusan bahagian pembuatannya iaitu Jadi Imaging Technologies Sdn Bhd (JIT), pada harga RM1 juta, bersama dengan hartanahnya pada harga RM18.35 juta. Syarikat juga mengetepikan hutang sebanyak RM35.4 juta yang ditanggung oleh JIT, satu amaun yang besar yang menggambarkan betapa teruknya kerugian segmen tersebut. Maka, kita memahami mengapa Jadi membuat keputusan untuk keluar daripada perniagaan ini.

Namun perkara yang berlaku selepas itu sukar untuk dipertahankan, ibarat *red flags* yang menimbulkan keresahan.

Jadi sepatutnya melaburkan semula hasil pelupusan itu untuk membina perniagaan teras baharu dalam bidang pengedaran. Sebaliknya, wang tersebut dilaburkan ke dalam pasaran saham.

Pada tahun kewangan 2025, syarikat melaburkan RM34.3 juta dalam saham tersenarai. Dalam suku pertama tahun kewangan 2026, mereka menambah lagi sebanyak RM6.9 juta, menjadikan jumlah komitmen pelaburan spekulatif dalam ekuiti awam Jadi mencecah RM41.2 juta. Hal ini menyebabkan tunai kumpulan berbaki hanya RM787,000, jauh lebih rendah berbanding keperluan modal kerja biasa.

Bagi pemegang saham, tindakan ini amat membimbangkan.

Sebuah syarikat tersenarai, lebih-lebih lagi yang sedang melalui fasa peralihan, tidak sepatutnya beroperasi seperti dana dagangan spekulatif. Langkah ini mencerminkan kegagalan dalam tadbir urus, penilaian risiko dan fokus strategik. Syarikat sepatutnya mengukuhkan perniagaan teras baharunya. Akan tetapi pihak pengurusan mengalihkan dana penting ke dalam aktiviti yang langsung tidak berkaitan dengan operasi syarikat.

Kerugian 40% Dalam Satu Suku Tahun

Tindakan itu mengakibatkan kesan serta-merta. Pada suku pertama tahun kewangan 2026, Jadi merekodkan kerugian nilai saksama berjumlah RM16.6 juta ke atas pelaburan dalam saham tersenarai, iaitu kejatuhan sebanyak 40% dalam hanya satu suku tahun.

Pemegang saham berhak mendapatkan penjelasan daripada pihak pengurusan serta tindakan pembetulan yang segera.

Langkah yang sepatutnya menjadi transformasi strategik kini dilihat sebagai contoh peruntukan modal yang lemah. Peralihan kepada spekulasi pasaran saham, yang

akhirnya menyebabkan kerugian 40% dalam satu suku tahun, mencerminkan seolah-olah pemegang saham tiada kepentingan langsung di mata pihak pengurusan.

Kebimbangan lebih besar kini tertumpu pada sejauh mana kejelasan hala tuju Jadi Imaging dalam jangka panjang. Jurang antara strategi yang diumumkan dengan cara modal digunakan sering menimbulkan keraguan dalam pasaran, manakala turun naik yang disebabkan oleh pelaburan spekulatif berisiko menenggelamkan potensi perniagaan pengedaran yang ingin dibangunkan. Persoalannya kini, mampukah syarikat menyelaraskan semula strategi, memulihkan keyakinan serta membuktikan keupayaan mereka untuk melaksanakan rancangan perniagaan yang berfokus? Jawapan kepada soalan ini bakal menentukan hala tuju Jadi Imaging dalam tahun-tahun akan datang.

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN
Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN
Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.